



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**(Menguatkuasakan Nafkah) Perempuan Bersuamidan
Kanak-Kanak 1968**

DR.09/1968

RANG UNDANG² (MENGUATKUASAKAN NAFKAH) PEREMPUAN BERSUAMI DAN KANAK²

SUSUNAN FASAL²

Fasal

1. Nama.
2. Pemakaian.
3. Tafsiran.
4. Kuasa mahkamah untok membuat suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga.
5. Jenis perintah tahanan pendapatan-tenaga.
6. Natijah perintah tahanan pendapatan-tenaga.
7. Kewajipan pihak kena tuntutan dan majikan supaya mematohi perintah tahanan pendapatan-tenaga.
8. Kuasa² tambahan bagi mahkamah dalam langkah² pembicharaan perintah tahanan pendapatan-tenaga.
9. Kuasa mahkamah memutuskan sama ada pendapatan-tenaga atau bukan.
10. Pembayaran wang di-bawah perintah tahanan pendapatan-tenaga.
11. Jika pendapatan di-bayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan.
12. Penalti kerana tiada mematohi perintah tahanan pendapatan-tenaga dan kerana memberi notis atau kenyataan palsu.
13. Perintah supaya membuat pembayaran kepada mahkamah.
14. Pemakaian di-Negeri².
15. Pengubahsuaian.

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan chara yang lebeh baik dan lebeh berkesan bagi menguatkuasakan perentah² nafkah.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act (Menguatkuasakan Nama. Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak², 1968.
2. Act ini hendak-lah di-pakai bagi Negeri² Tanah Melayu Pemakaian. sahaja.
3. Dalam Act ini, melainkan jika kandungan ayat-nya Tafsiran. menghendaki ma'ana yang lain—

“mahkamah” erti-nya Mahkamah Tinggi, suatu Mahkamah Seshen atau suatu mahkamah Majisteret Kelas Pertama, mengikut mana yang berkenaan, dan jika peruntukan Act ini menurut pemberi berkuasa di-bawah seksyen 14 di-jadikan boleh di-pakai kepada atau mengenai perentah² nafkah yang di-buat oleh suatu mahkamah Syariah, hendaklah termasuk mahkamah itu;

“majikan” erti-nya sa-saorang yang oleh-nya, sa-bagai sa-orang prinsipal dan bukan sa-bagai sa-orang penjawat atau ejen, pendapatan-tenaga yang terkena di-bayar kepada sa-saorang pihak kena tuntutan, dan rujukan kepada pembayaran pendapatan-tenaga hendaklah di-ertikan dengan sewajar-nya;

“pihak kena tuntutan”, berhubung dengan sa-suatu perentah nafkah atau suatu perentah tahanan pendapatan-tenaga yang berkaitan, erti-nya orang yang kena membuat pembayaran menurut perentah nafkah;

“pendapatan-tenaga”, berhubung dengan sa-saorang pihak kena tuntutan, erti-nya apa² wang yang kena di-bayar kepada-nya—

- (a) sa-chara upah atau gaji, termasuk-lah mana² bayaran, bonos, kamsen, gaji lebeh-masa atau lain² gajian yang kena di-bayar sa-bagai tambahan kepada upah atau gaji oleh orang yang membayar upah atau gaji atau yang kena di-bayar di-bawah suatu kontrak perkhidmatan;
- (b) sa-chara penchen, termasuk-lah ganjaran dan sa-suatu anuiti mengenai perkhidmatan² lalu, sama ada perkhidmatan² itu untuk orang yang membayar anuiti itu atau bukan dan termasuk-lah pembayaran² berkala sa-chara pampasan oleh kerana kehilangan, penghapusan atau pelepasan, atau apa² pengurangan gajian, mana² jawatan atau pekerjaan;

“perintah nafkah” erti-nya—

*Ordinance
N.T.M.
36 tahun
1950.*

- (a) suatu perintah yang di-buat di-bawah seksyen 3 Ordinance (Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak², 1950;

*Ordinance
N.T.M.
74 tahun
1952.*

- (b) suatu perintah untuk membayar wang berkala sa-chara nafkah atau alimoni kepada sa-orang isteri atau bagi faedah mana² kanak² di-bawah Ordinance Cherai, 1952;

*Ordinance
N.T.M.
55 tahun
1949.*

- (c) suatu perintah nafkah yang di-sahkan oleh mahkamah di-bawah Ordinance (Kemudahan² Menguatkuasakan) Perintah² Nafkah, 1949; dan

- (d) jika peruntukan² Act ini di-jadikan boleh di-pakai mengikut kuasa suatu pemberi kuasa di-bawah seksyen 14 kepada atau mengenai suatu perintah nafkah yang di-buat oleh suatu Mahkamah Syariah hendak-lah termasuk perintah itu.

“perintah tahanan pendapatan-tenaga” erti-nya sa-suatu perintah yang di-buat di-bawah seksyen 4.

*Kuasa
mahkamah
untuk
membuat
suatu
perintah
tahanan
pendapatan-
tenaga.*

4. (1) Walau pun ada peruntukan² mana² undang² bertulis yang berlawanan, mahkamah yang membuat atau yang telah membuat suatu perintah nafkah, atas permohonan orang yang mengenai nafkah-nya perintah itu di-buat atau penjaga orang tersebut, boleh membuat suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga, jika mahkamah itu fikirkan patut berbuat sa-demikian.

(2) Suatu permohonan bagi suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga boleh-lah di-buat dalam pembicharaan di-mana suatu perintah nafkah di-pohon atau dalam mana² pembicharaan kemudian-nya.

5. (1) Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga hendak-lah menghendaki orang yang bagi-nya perintah yang berkenaan itu di-arahkan, ia-itu sa-saorang yang pada pendapat Mahkamah ada-lah sa-bagai majikan pehak kena tuntutan, supaya membuat pembayaran daripada pendapatan-tenaga yang terkena di-bayar kapada pehak kena tuntutan untuk menyelesaikan perintah itu.

Jenis
perintah
tahanan
pendapatan-
tenaga.

(2) Jumlah wang yang di-kehendaki di-tetapkan dalam suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga ia-lah wang yang mahkamah fikirkan sa-bagai patut sa-lepas menimbangkan keupayaan² dan keperluan² pehak kena tuntutan dan keperluan² orang² yang bagi-nya pehak kena tuntutan wajib atau sa-patut-nya menanggung.

(3) Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga hendak-lah mengandongi, sa-takat yang di-ketahui oleh mahkamah yang membuat perintah itu, butir² yang mungkin di-tetapkan bagi maksud membolehkan pehak kena tuntutan itu di-kenali oleh orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan.

(4) Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga atau apa² perubahan bagi-nya tidak-lah boleh mula berkuatkuasa sa-hingga habis tempoh tujuh hari daripada tarikh salinan perintah itu di-sampaikan kapada orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan.

(5) Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga hendak-lah menetapkan pegawai yang kapada-nya pembayaran² di-bawah perintah itu hendak di-buat.

6. (1) Apabila suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-buat, semua pembicharaan² lain bagi menguatkuasakan perintah nafkah yang berkaitan yang di-mula² sa-belum perintah tahanan pendapatan-tenaga di-buat hendak-lah di-gantung.

Natijah
perintah
tahanan
pendapatan-
tenaga.

(2) Mahkamah yang oleh-nya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-buat boleh, jika di-fikirkan-nya patut, atas permohonan pehak kena tuntutan atau sa-saorang yang berhak menerima pembayaran² di-bawah perintah nafkah yang berkaitan, membuat suatu perintah melepaskan atau mengubah perintah tahanan pendapatan-tenaga itu.

(3) Suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga ada-lah terhenti daripada berkuatkuasa—

- (a) apabila di-keluarkan suatu waran mengarahkan supaya wang yang kena di-bayar di-bawah perintah nafkah yang berkaitan itu hendak-lah di-dapatkan mengikut chara yang di-buat oleh undang² bagi mendapatkan denda;
- (b) apabila suatu perintah di-buat menghukum pihak kena tuntutan itu supaya di-penjara kerana tidak mematuhi perintah nafkah yang berkaitan itu; dan
- (c) apabila di-batalkan perintah nafkah yang berkaitan itu;

dan jika suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga terhenti daripada berkuatkuasa sa-bagaimana yang tersebut di-atas mahkamah yang membuat perintah itu hendak-lah memberi notis kehentian itu kepada orang yang bagi-nya perintah itu telah di-arahkan.

Kewajipan
pihak kena
tuntut dan
majikan
supaya
mematuhi
perintah
tahanan
pendapatan-
tenaga.

7. (1) Sa-saorang yang bagi-nya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-arahkan hendak-lah, walau apa pun yang terkandung dalam mana² undang² bertulis yang lain tetapi terta'alok kepada peruntukan² Act ini, mematuhi perintah itu atau, jika perintah itu kemudian-nya di-ubah di-bawah peruntukan² seksyen 6 Act ini, perintah itu seperti yang di-ubah itu.

(2) Jika pada bila² masa, apabila pendapatan-tenaga terkena di-bayar kepada pihak kena tuntutan, ada dua atau lebih perintah² tahanan pendapatan-tenaga berkuatkuasa berhubung dengan pendapatan-tenaga itu, maka, bagi maksud mematuhi Act ini majikan hendak-lah—

- (a) menyelenggarakan perintah² itu menurut tarikh masing² bila perintah² itu mula berkuatkuasa dengan tidak mengambil kira mana² perintah yang kemudian-nya sa-hingga semua perintah² yang dahulu itu telah selesai di-selenggarakan; dan
- (b) menyelenggarakan mana² perintah yang kemudian-nya sa-olah² pendapatan-tenaga yang berkaitan dengan-nya itu ada-lah baki daripada pendapatan-tenaga pihak kena tuntutan sa-lepas membuat apa² pembayaran di-bawah Act ini menurut mana² perintah yang dahulu-nya.

(3) Sa-saorang majikan yang, menurut suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga, membuat suatu pembayaran di-bawah Act ini hendak-lah memberi kepada pihak kena tuntutan itu suatu penyata dengan bertulis menyatakan jumlah wang yang di-bayar itu.

(4) Sa-saorang yang bagi-nya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-arahkan dan yang, pada masa suatu salinan perintah itu di-sampaikan kepada-nya, tidak menjadi majikan pihak kena tuntutan pada bila² masa jua dalam tempoh sa-bulan yang akhir sa-belum masa salinan perintah itu di-sampaikan hendak-lah dengan serta merta memberi notis bertulis menyatakan demikian itu dengan borang yang di-tetapkan kepada mahkamah yang membuat perintah itu.

8. (1) Jika langkah² pembicharaan berhubung dengan suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-jalankan di-mana² mahkamah, mahkamah itu boleh-lah, sama ada sa-belum atau pada masa pembicharaan itu—

Kuasa² tambahan bagi mahkamah dalam langkah² pembicharaan perintah tahanan pendapatan-tenaga.

(a) memerintah pihak kena tuntutan itu supaya memberi kepada mahkamah, dalam tempoh sa-bagaimana yang mungkin di-nyatakan oleh perintah itu, suatu kenyataan yang di-tandatangani oleh-nya mengenai—

(i) nama dan 'alamat majikan-nya, atau tiap² satu majikan²-nya jika majikan²-nya lebeh daripada satu;

(ii) butir² tentang pendapatan-tenaga pihak kena tuntutan sa-bagaimana yang mungkin di-nyatakan itu;

(iii) butir² yang di-tetapkan sa-bagaimana yang mungkin di-nyatakan itu bagi maksud membolehkan pihak kena tuntutan itu di-kenali oleh sa-saorang majikan-nya; dan

(b) memerintah mana² orang yang pada pendapat mahkamah ada-lah sa-orang majikan pihak kena tuntutan itu supaya memberi kepada mahkamah, dalam tempoh sa-bagaimana yang mungkin di-nyatakan dalam perintah itu, suatu kenyataan yang di-tandatangani oleh-nya atau bagi pihak-nya tentang butir² yang mungkin di-nyatakan dalam perintah itu mengenai semua pendapatan-tenaga pihak kena tuntutan yang terkena di-bayar kepada orang itu dalam tempoh sa-bagaimana yang mungkin di-nyatakan dalam perintah itu.

(2) Suatu surat yang di-katakan sa-bagai suatu kenyataan yang tersebut dalam sekshen-kecil (1) sekshen ini hendak-lah, dalam sa-suatu pembicaraan yang tersebut sa-demikian itu, di-terima sa-bagai keterangan dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai suatu kenyataan sa-demikian dengan tiada di-kehendaki apa² bukti lanjut melainkan sa-suatu yang akas-nya di-tunjokkan.

Kuasa mahkamah memutuskan sama ada pendapatan-tenaga atau bukan.

9. (1) Mahkamah yang oleh-nya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga telah di-buat hendak-lah, atas permohonan orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan atau atas permohonan pihak kena tuntutan atau orang yang menerima faedah daripada perintah itu, memutuskan sama ada pembayaran² kepada pihak kena tuntutan yang dalam sa-suatu kelas atau jenis tertentu yang di-nyatakan dalam permohonan itu ada-lah pendapatan-tenaga bagi maksud² perintah itu; dan orang yang bagi-nya perintah itu di-arahkan ada-lah berhak menguatkuasakan sa-suatu keputusan yang pada masa itu berkuatkuasa di-bawah sekshen-kecil ini.

(2) Sa-saorang yang bagi-nya suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga di-arahkan yang membuat suatu permohonan di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen ini tiada-lah di-kenakan apa² tanggungan oleh sebab tiada mematuhi perintah itu tentang mana² pembayaran yang dalam kelas atau jenis yang di-nyatakan dalam permohonan itu yang di-bayar oleh-nya kepada pihak kena tuntutan jika permohonan, atau mana² rayuan yang berbangkit daripadanya, belum lagi di-selesaikan:

Dengan syarat bahawa sekshen-kecil ini tidak-lah dipakai tentang pembayaran² sa-demikian jika orang tersebut sa-lepas itu menarek balek permohonan itu atau, mengikut mana yang berkenaan, menggugorkan rayuan itu.

Pembayaran wang di-bawah perintah tahanan pendapatan-tenaga.

10. (1) Mahkamah yang kepada-nya sa-saorang majikan membayar wang menurut suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga hendak-lah membayar wang itu kepada orang yang berhak menerima pembayaran² itu di-bawah perintah nafkah yang berkaitan sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam perintah tahanan pendapatan-tenaga itu.

(2) Apa² wang yang di-terima oleh mahkamah menurut kuasa suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga ada-lah di-sifatkan sa-bagai pembayaran² yang di-buat oleh pihak kena tuntutan, untuk menjelaskan pertama-nya apa² wang yang pada masa itu kena di-bayar dan belum di-bayar di-bawah perintah nafkah yang berkaitan (suatu jumlah

wang yang kena di-bayar pada suatu tarikh yang dahulunya sa-bagai di-selesaikan sa-belum suatu jumlah wang yang kena di-bayar pada suatu tarikh kemudian-nya) dan kedua-nya mana² belanja yang di-lakukan dalam pembicharaan² berhubung dengan perintah nafkah itu yang kena di-bayar oleh pihak kena tuntutan apabila perintah tahanan pendapatan-tenaga itu di-buat atau akhir di-ubah.

11. (1) Berkenaan dengan pendapatan-tenaga yang terkena di-bayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan pendapatan-tenaga itu hendak-lah di-kira sa-bagai terkena di-bayar oleh yang pada masa itu ada-lah ketua pegawai jabatan, pejabat atau lain² badan yang berkenaan itu.

Jika pendapatan-tenaga di-bayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan.

(2) Jika apa² soalan berbangkit, berhubung dengan sa-suatu pembicharaan yang berkaitan dengan suatu perintah tahanan pendapatan-tenaga, mengenai apa-kah jabatan, pejabat atau lain² badan yang berkenaan bagi maksud² sekshen ini, atau mengenai siapakah bagi maksud² itu ketua pegawai bagi-nya, maka soal itu hendak-lah di-rujokkan kepada dan di-putuskan oleh Mentri Kewangan tetapi Mentri Kewangan tiada-lah bertanggung untuk menimbangkan sa-suatu rujokan di-bawah sekshen-kecil ini melainkan ia-nya di-buat oleh sa-suatu mahkamah.

(3) Suatu suratan yang di-katakan sa-bagai menyatakan keputusan Mentri Kewangan di-bawah sekshen-kecil (2) sekshen ini dan sa-bagai di-tandatangani oleh sa-orang pegawai Kementerian Kewangan hendak-lah, dalam sa-suatu pembicharaan sa-bagaimana yang tersebut dalam sekshen-kecil itu, di-terima sa-bagai keterangan dan ada-lah di-sifatkan sa-bagai mengandongi suatu kenyataan yang tepat mengenai keputusan itu melainkan sa-suatu yang akas-nya di-tunjokkan.

12. (1) Sa-siapa yang—

(a) tiada mematohi sekshen-kecil (1) atau sekshen-kecil (4) sekshen 7 dalam Act ini atau suatu perintah sa-suatu mahkamah di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen 8 dalam Act ini; atau

(b) memberi suatu notis sa-bagaimana yang tersebut dalam sekshen-kecil (4) sekshen 7 dalam Act ini atau suatu kenyataan menurut suatu perintah sa-suatu mahkamah di-bawah sekshen-kecil (1) sekshen 8 dalam Act ini, dan notis atau kenyataan itu di-ketahui-nya sa-bagai palsu mengenai sa-suatu perkara yang mustahak; atau

Penalti kerana tiada mematohi perintah tahanan pendapatan-tenaga dan kerana memberi notis atau kenyataan palsu.

- (c) dengan gopoh memberi suatu notis atau kenyataan yang palsu mengenai sa-suatu perkara yang mustahak,

ada-lah, terta'alok kapada sekshen-kechil (2) sekshen ini, boleh di-kenakan, apabila thabit kesalahan itu, penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada sa-tahun atau denda sa-banyak tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau kedua² hukuman penjara dan denda.

(2) Ada-lah menjadi suatu pembelaan bagi sa-saorang yang di-pertudohkan kerana tiada mematohi sekshen-kechil (1) sekshen 7 dalam Act ini membuktikan bahawa ia telah mengambil segala langkah² yang patut bagi mematohi perintah tahanan pendapatan-tenaga itu yang mengenai-nya kemungkiran itu berkaitan.

Perintah
supaya
membuat
pembayaran
kapada
mahkamah.

13. (1) Jika sa-saorang pehak kena tuntutan ada-lah sa-orang yang pendapatan-nya di-perolehi daripada puncha² lain daripada pendapatan-tenaga, mahkamah boleh atas permohonan orang yang mengenai nafkah-nya perintah nafkah itu di-buat atau atas permohonan penjaga orang itu, membuat perintah supaya mana² jumlah wang yang kena di-bayar di-bawah perintah nafkah itu di-bayar terus kapada mahkamah pada hari sa-bagaimana yang mungkin di-tetapkan oleh mahkamah itu; dan apabila menerima pembayaran wang itu mahkamah akan membayar wang tersebut kapada orang yang mengenai nafkah-nya perintah nafkah itu di-buat atau kapada penjaga orang itu.

(2) Jika pehak kena tuntutan itu chuai atau tidak mematohi sa-suatu perintah yang di-buat oleh mahkamah di-bawah sekshen-kechil (1) itu, mahkamah yang membuat perintah itu boleh-lah memanggil pehak kena tuntutan itu supaya menunjukkan sebab mengapa ia chuai atau tidak mematohi perintah tersebut.

(3) Jika sebab yang chukup tiada di-beri dan jumlah wang yang kena di-bayar dan terhutang di-bawah perintah nafkah itu tidak di-bayar, mahkamah itu boleh-lah mendapatkan-nya dengan mengeluarkan suatu waran bagi menahan dan menjual harta yang di-punyaï oleh pehak kena tuntutan itu.

(4) Kechuali bagi suatu waran tahanan yang di-keluarkan oleh Mahkamah Tinggi, suatu waran untuk menahan dan menjual harta yang di-punyaï oleh pehak kena tuntutan di-bawah sekshen-kechil (3) boleh-lah di-laksanakan di-mana² sahaja dalam Negeri² Tanah Melayu, tetapi jika ada-lah di-kehendaki supaya di-laksanakan di-luar Negeri di-mana

ia di-keluarkan, waran itu hendak-lah di-sahkan oleh sa-orang Majisteret Kelas Pertama yang mempunyai bidangkuasa dalam Negeri di-mana waran itu hendak di-laksanakan.

(5) Jika jumlah wang yang kena di-bayar dan terhutang itu tidak di-bayar dan tidak boleh di-dapati dengan jalan tahanan dan jualan itu, mahkamah itu boleh-lah mengarahkan supaya pehak kena tuntutan itu di-penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada sa-bulan bagi tiap² kechuaian atau tiap² kali ia tidak mematohi perintah mahkamah yang di-buat di-bawah sekshen-kechil (1) itu :

Dengan sharat bahawa—

- (a) hukuman penjara itu di-tamatkan apabila wang yang terhutang dan kena di-bayar sa-demikian di-bayar atau di-dapati mengikut proses undang²;
- (b) walau pun ada peruntokan² mana² undang² yang berlawanan orang yang mengenai nafkah-nya perintah nafkah itu di-buat atau penjaga orang itu tidak-lah di-kehendaki membayar atau menyumbang terhadap menyara² atau senggara pehak kena tuntutan dalam penjara, jika ia di-arahkan supaya di-penjara di-bawah sekshen-kechil ini; dan
- (c) walau pun di-penjarakan di-bawah sekshen-kechil ini pehak kena tuntutan itu tidak-lah terlepas daripada tanggungan-nya membayar jumlah wang tersebut yang terhutang dan kena di-bayar sa-demikian yang mengenai-nya ia telah chuai atau tidak membuat pembayaran itu.

14. Ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa menurut Perkara 76A (1) dalam Perlembagaan Persekutuan badan perundangan bagi Negeri² Tanah Melayu atau mana² daripadanya ada-lah dengan ini di-berikuasa untuk membuat undang² bagi membuat peruntokan² supaya peruntokan² Act ini di-pakai kapada atau mengenai sa-suatu perintah nafkah yang di-buat oleh Mahkamah² Syariah yang di-tubuhkan oleh atau di-bawah enactment Negeri² itu.

Pemakaian
di-Negeri².

15. Jika satu daripada badan² perundangan bagi Negeri² Tanah Melayu menurut pemberiankuasa di-bawah sekshen 14 Act ini mengikut suatu Enactment memakai peruntokan² Act ini kapada atau mengenai perintah² nafkah yang di-buat oleh Mahkamah² Syariah yang di-tubuhkan di-bawah

Pengubah-
suaian.

Enactment-nya, maka peruntukan² Act ini hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan-nya terta'alok kapada pengubahsuaian² yang berikut, ia-itu—

- (a) perbahasaan “mahkamah” ada-lah termasuk suatu Mahkamah Syariah yang di-tubuhkan oleh atau di-bawah Enactment Negeri itu;
- (b) perbahasaan “perintah nafkah” hendak-lah termasuk suatu perintah nafkah yang di-buat oleh Mahkamah Syariah yang tersebut itu; dan
- (c) mana² perintah yang di-buat atau mana² waran atau mana² surat perintah yang di-keluarkan oleh Mahkamah Syariah yang tersebut di-bawah peruntukan² Act ini hendak-lah sah dan berkuatkuasa sa-olah² ia-nya di-buat atau di-keluarkan oleh sa-orang Majisteret Kelas Pertama dalam Negeri itu dan boleh-lah di-laksanakan dalam Negeri itu, tetapi jika ia-nya di-kehendaki supaya di-laksanakan di-luar Negeri itu, ia hendak-lah di-sahkan oleh sa-orang Majisteret Kelas Pertama yang mempunyai bidangkuasa dalam Negeri di-mana ia-nya hendak di-laksanakan.

HURAIAN

Rang Undang² ini bermaksud hendak mengadakan peruntukan berkenaan dengan chara² yang lebeh berkesan bagi menguatkuasakan perintah² nafkah yang di-buat di-bawah Ordinance (Nafkah) Perempuan Bersuami dan Kanak², 1950, Ordinance Cherai, 1952 atau Ordinance (Kemudahan² Menguatkuasakan) Perintah² Nafkah, 1949.

Peruntukan² Rang Undang² ini akan memberikuasa kapada mahkamah yang membuat suatu Perintah Nafkah atau yang dahulu-nya telah membuat suatu Perintah Nafkah untuk membuat suatu perintah sa-lanjut-nya bernama Perintah Tahanan Pendapatan-tenaga bagi menghendaki sa-saorang yang pada pendapat mahkamah itu sa-bagai majikan pehak kena tuntutan supaya membuat pembayaran² daripada pendapatan-tenaga yang terkena di-bayar kapada pehak kena tuntutan. (*Lihat* Fasal 4, 5 dan 6). Kewajipan² majikan bagi mematohi Perintah Tahanan Pendapatan-tenaga ada-lah di-nyatakan dalam Fasal 7. Kuasa² mahkamah dalam langkah² pembicharaan berhubung dengan suatu Perintah Tahanan Pendapatan-tenaga ada-lah di-nyatakan dalam Fasal 8. Mahkamah hendak-lah memutuskan sama ada pembayaran kapada pehak kena tuntutan dalam suatu kelas atau jenis tertentu yang di-nyatakan dalam permohonan untuk suatu Perintah Tahanan Pendapatan-tenaga ada-kah pendapatan-tenaga bagi maksud² Perintah itu. (*Lihat* fasal 9). Achara membayar wang di-bawah Perintah Tahanan Pendapatan-tenaga itu ada di-nyatakan dalam fasal 10. Sekiranya pendapatan-tenaga terkena di-bayar oleh Kerajaan atau daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan, pendapatan-tenaga itu hendak-lah di-kira sa-bagai yang terkena di-bayar oleh pada masa itu ketua pegawai

jabatan, pejabat atau badan yang berkenaan (Fasal 11). Penalti² kerana tidak mematuhi mana² Perintah Tahanan Pendapatan-tenaga atau kewajipan² lain yang di-kenakan oleh Act ini ada di-nyatakan dalam fasal 12. Jika pendapatan pihak kena tuntutan itu di-peroleh daripada puncha² yang lain daripada pendapatan-tenaga sa-bagaimana yang di-ta'arifkan dalam fasal 3, achara bagi memohon suatu perintah nafkah ada-lah saperti yang di-perihalkan dalam fasal 13.

Rang Undang² ini juga bermaksud hendak membuat peruntukan bagi suatu pemberiankuasa bagi Badan Perundangan Negeri memakai peruntukan² Rang Undang² ini terhadap perintah nafkah yang di-buat oleh Mahkamah Syariah. Pemberiankuasa ini ada-lah di-benarkan di-bawah Perkara 76A (1) Perlembagaan Persekutuan (Fasal² 14 dan 15).

[P.N. 3884/1.]

